



*Memo*

LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD

**Kepada** : Warga LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/KP/UPSM/027  
**Tarikh** : 30 Oktober 2023

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA  
BILANGAN 20 TAHUN 2023**

**PELAKSANAAN PROJEK RINTIS WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF)  
FASA DUA (2) DI LEMBAGA GETAH MALAYSIA (LGM)**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Bilangan 8 Tahun 2023 telah bersetuju untuk melaksanakan Projek Rintis Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Fasa Dua (2) di Lembaga Getah Malaysia (LGM) **secara menyeluruh** kepada semua pejabat LGM di BGA/260/Sg. Buloh/Pejabat Wilayah, Stesen-stesen Penyelidikan serta LGM Wilayah Sabah dan Sarawak mulai **01 November 2023 sehingga 31 Januari 2024** seperti taklimat yang diberikan sebelum ini oleh Jawatankuasa Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Bagi Pegawai dan Pekhidmat LGM.

3. Walau bagaimanapun atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, Projek Rintis WBF Fasa Dua (2) bagi pegawai dan pekhidmat yang bertugas di LGM Sungai Buloh **ditunda** pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

4. Bagi memastikan proses kerja dan perkhidmatan sedia ada tidak terjejas dengan Pelaksanaan WBF, Pengarah/Ketua Unit adalah diminta untuk mengenalpasti dan menyenaraikan tugas pegawai/pekhidmat yang perlu **dikecualikan atau dijadualkan** waktu tugas mereka di **Lampiran 1**.

5. Bersama-sama ini disertakan garis panduan dan dokumen yang berkaitan sebagai rujukan Pegawai dan Pekhidmat LGM seperti berikut:

- i. Garis Panduan Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF)
- ii. Slaid Taklimat Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF)
- iii. Soalan Lazim Waktu Bekerja Fleksi (WBF)

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

**(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)**

s.k Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Operasi)  
Pengarah – Pengarah Bahagian